

# 'PH jatuh sebab Tun M, jangan salahkan Anwar'

BH - 8/6/2022 ml: 17

**Dr Mahathir tidak wajar bersikap semberono buat tuduhan**

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seorang pemimpin PKR mahu Tun Dr Mahathir Mohamad menutup mulut daripada terus menyalahkan pihak lain sebagai punca kejatuhan

kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada 2020.

Ahli Majlis Pimpinan Pusat PKR, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid, berkata Dr Mahathir perlu mengakui dan bermuhasabah bahawa PH sebenarnya tumbang disebabkan tindakan beliau sendiri.

"Saya merujuk kenyataan Dr Mahathir terhadap Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin. Sekali lagi beliau (Dr Mahathir) cuba mengaitkan orang lain atas kesilapan beliau sendiri yang menjatuhkan kerajaan PH.

"Dr Mahathir tidak sepatut-

nya menyalahkan orang lain untuk menanggung (kesalahan itu), terutama Anwar yang tidak punya sebarang jawatan dan kuasa eksekutif ketika itu," katanya kepada BH.

Jumaat, lalu dalam satu wawancara, Dr Mahathir mendakwa Anwar sebagai punca kejatuhan pentadbiran PH pada 2020.

Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen Langkawi dilaporkan berkata, beliau seharusnya terus menjadi Perdana Menteri, sekali gus dapat menghalang Barisan Nasional (BN) dan UMNO daripada kembali menduduki

kepemimpinan kerajaan negara ketika ini.

Abdullah Sani yang juga Ahli Parlimen Kapar, berkata sebagai seorang negarawan, Dr Mahathir tidak wajar bersikap semberono dengan membuat tuduhan untuk melepaskan diri dan mengalihkan tuduhan kepada orang lain.

"Mengapa buat kenyataan mengelirukan kerana umum mengetahui Dr Mahathir punca kerajaan PH runtuh dan ini terpatat sebagai catatan sejarah.

"Saya menyeru Dr Mahathir untuk bersikap jujur dan ikhlas dalam berpolitik," katanya.

“Dr Mahathir tidak sepatutnya menyalahkan orang lain untuk menanggung (kesalahan itu), terutama Anwar yang tidak punya sebarang jawatan dan kuasa eksekutif ketika itu”

**Abdullah Sani  
Abdul Hamid,  
Ahli Majlis  
Pimpinan  
Pusat PKR**

